

Fannu Tilawah al-Quran oleh Wan Hilmi Wan Abdullah. 2018. Bangi; Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor. Halaman 87. ISBN – 9789834136130.

Buku ini membincangkan isu secara praktikal berkaitan dengan isu tilawah al-Quran dalam masyarakat fokus kepada ilmu seni tarannum al-Quran. Huraian yang dibincangkan oleh penulis adalah berdasarkan sumber rujukan, hujah dan data ilmiah yang diolah dengan mudah dan senang difahami oleh pembaca, apatah lagi bahan bacaan berkisarkan tentang ilmu seni tarannum dalam Bahasa Melayu masih kurang dalam masyarakat.

Bab pertama buku ini adalah berkisarkan tentang pengenalan utama ilmu tarannum. Antaranya ialah definisi ilmu tarannum, pembahagian yang berkait dengan ilmu seni suara (*Ilmu Sout*), dalil daripada al-Quran, hadis dan pandangan ulama' berkaitan hukum membaca al-Quran bertarannum, konsep kesenian ilmu tarannum serta falsafah utama pembelajaran tarannum. Tumpuan utama bab ialah pembaca dapat memahami konsep pembelajaran tarannum adalah untuk menzahirkan kesenian dan keindahan al-Quran apabila dibaca.

Dalam bab pertama ini juga penulis menekankan kitab suci al-Quran adalah suatu mukjizat agung keatas nabi Muhammad SAW yang berlainan dengan kitab-kitab suci agama lain. Justeru itu, kalangan qari yang membaca al-Quran perlu menzahirkan rasa cinta, kasih, insaf dan takut ketika mengalunkan bacaan al-Quran sesuai dengan bukti kemukjizatan dan keagungan al-Quran itu sendiri. Oleh itu, bunyi-bunyi yang selain daripada alunan al-Quran adalah tidak perlu bercampur ketika membaca al-Quran.

Apa yang penting pada bab pertama ialah dakwaan sesetengah pihak yang menyatakan bahawa lagu-lagu al-Quran berasal dari Parsi dan Hindi adalah benar. Akan tetapi irama tersebut sebenarnya telah digubah dan diubahsuai mengikut alunan dan bunyian yang mengikut budaya dan *Zouk* arab iaitu berunsurkan kepada kesesuaian suasana dan tempat turunnya al-Quran. Dahulu pengistilahan kepada nama-nama tarannum al-Quran masih belum wujud kerana pengecaman tersebut adalah melalui desiran angin, air dan pokok kayu. Tambahan pula, umum telah mengetahui bahawa asal usul tarannum al-Quran telah bermula sejak zaman Rasulullah SAW namun belum diberikan nama sebagaimana nama yang terdapat sekarang seperti *Bayyati*, *Hijaz*, *Nahwand*, *Rast*, *Hijaz*, *Sikah* dan *Jiharkah*.

Penulis menyatakan bahawa bukti unsur seni tarannum sebenarnya telah sebat dengan jiwa setiap insan dengan membawakan contoh iaitu seseorang anak kecil yang menangis, lantas ibu mendodoikan anaknya dengan menyebut lafadz '*Lailaha Illallah*' dengan alunan suara yang indah dan merdu dan si anak terus berhenti menangis kerana irama yang dialunkan memberi kesan kepada jiwa si anak. Contoh ini menjadi bukti bahawa fitrah semulajadi manusia yang diciptakan Allah SWT cenderung kepada sesuatu yang bersifat seni apatah lagi seni irama ini dikaitkan dengan irama al-Quran.

Penulis telah mengolah bahawa ilmu tarannum amat berfaedah dan bersesuaian dengan masyarakat khususnya bagi golongan muda yang mula berjinak-jinak dengan al-Quran melalui pembawakan contoh membuka peluang supaya menyertai pertandingan dan program al-Quran

yang dianjurkan. Selain itu, penulis juga turut membawakan contoh-contoh menarik dari kisah-kisah para masyayikh terkemuka serta kisah para nabi-nabi terdahulu.

Bagi bab pertama ini, penulis telah membawakan kelainan yang menarik berbanding buku-buku tarannum lain. Contohnya, penulis telah membawakan perbandingan yang lebih bersifat akademik dengan merujuk pakar-pakar tarannum dan lagu yang masih ada di bumi mesir. Penulis turut cuba untuk meneutralkan beberapa tohmahan yang mengatakan bahawa asal usul tarannum berasal dari parsi dengan membuktikan bahawa pengistilahan tarannum sememangnya berasal dari parsi namun telah berlaku perubahan-perubahan mengikut kesesuaian unsur bunyi dan kaedah lagi arabiyyah.

Pada bab kedua, penulis menghuraikan jenis-jenis tarannum menurut persepektif pakar-pakar arab. Kelebihan buku tarannum ini ialah, penulis lebih menekankan kepada pengistilahan yang digunakan oleh pakar suara dan lagu di arab iaitu *Lahnun* dan *Sout Arab*, *Lahjah Arab*, *Uslub Arab*, *Luknah Arab* dan *Ta'bir Arab*. Penekanan utama penulis ialah dengan menonjolkan pengistilahan utama pakar-pakar arab ketika mengalunkan al-Quran. Setiap istilah tersebut juga turut diperkuuhkan dengan merujuk dari kitab-kitab utama serta temuramah dari qari-qari muktabar. Tujuan utama ialah untuk mengajak pembaca memahami kedudukan utama pengistilahan yang digunakan oleh pakar-pakar tarannum arab. Antara sub topik yang dibincangkan ialah definisi tarannum usul atau asas. Turut disentuh dalam sub topik ini ialah contoh ayat al-Quran yang disusun mengikut sistem *penjumlahan ayat*. Penulis juga menghuraikan ciri-ciri dan sifat-sifat tarannum cabang (*Furu'*), serta peranan tarannum tersebut mengikut kesesuaian ayat yang dibaca. Penulis juga turut membawakan contoh (*Uslub*) bacaan qari terkemuka dunia iaitu Shaykh Mustafa Ismail, Shaykh al-Shahat Mohammad Anwar dan Shaykh Abdul Basit Abdul Somad. Menurut penulis, setiap Shaykh mempunyai kaedah (*Uslub*) bacaan itu yang tersendiri dan mereka konsisten membaca al-Quran mengikut *Uslub* yang dibawakan serta tidak mencampur aduk antara satu dengan yang lain. Hal ini kerana tahap keilmuan mereka yang cukup mantap menguasai ilmu al-Quran dan suara. Disamping itu, penulis turut mendatangkan contoh-contoh qari-qari masyhur di Tanah Arab (*Misri*) dan Tanah Melayu (*Hijazi*).

Dicadangkan supaya penulis meletakkan beberapa model dan kaedah yang tersusun mengikut gaya kearaban mesir memandangkan tarannum ini mula diperkemas dan disusun pengkaedahannya bermula di mesir. Pada bab ini juga turut dicadangkan supaya diperincikan faedah dan fungsi bagi setiap lagu-lagu furu' yang telah disenaraikan.

Pada bab tiga merupakan bab terakhir membincangkan berkaitan kaedah-kaedah suara dalam bacaan al-Quran ketika bertarannum. Bagi menghuraikan bab ini, penulis menjelaskan tentang jenis-jenis suara yang dikelaskan mengikut gred iaitu gred A, B, C dan D. Suara mengikut gred ini dijelaskan mengikut bahagian-bahagian tertentu iaitu kemanisan, kelunakan, kelantangan, kelembutan, keaslian bunga-bunga suara dan lapangan suara. Selain itu, suara manusia pula dikategorikan dengan empat kategori iaitu suara al-Tenor dan al-Bas khusus bagi lelaki dan suara al-Subrano dan al-Contralto bagi suara perempuan. Manakala, bagi setiap jenis-jenis suara itu mempunyai tahap-tahap tersendiri iaitu *Qararul Qarar*, *Qarar*, *Jawab*, *Jawbul Jawab* dan *Jawab Jawbul Jawab* atau *Sulaifiyah*. Kesemua kategori, tahap dan pembahagian suara ini telah dihuraikan penulis dalam buku ini secara terperinci. Bagi jenis-jenis suara pula, penulis telah

menyenaraikan sebanyak 16 jenis suara. Antara lain yang dijelaskan dalam buku ini juga ialah tips untuk menghasilkan bacaan yang lembut (*Qiraah Layyinah*) turut dibincangkan. Isu ini sebenarnya menjawab persoalan kebanyakkan qari-qari tempatan yang berusaha menimba ilmu bagi mencapai cara bacaan sebagaimana yang diutarakan oleh sabda Rasulullah SAW. Penulis juga turut menyentuh berkenaan tips untuk memanjangkan nafas.

Sebagai penutup bab ini penulis mendarangkan empat set ayat al-Quran serta cadangan jenis-jenis tarannum yang sesuai mengikut terjemahan ayat al-Quran. Buku ini telah digarap dengan baik secara ilmiah oleh penulisnya, kerana beliau sendiri adalah merupakan seorang ahli akademik dan juga qari al-Quran yang berpengalaman terus dalam bidangnya. Buku ini dijangka dapat memberikan maklumat yang berguna dan perangsang kepada ahli penyelidik, ahli al-Quran, para qari dan sarjana-sarjana yang ingin mengangkat bidang tarannum kearah yang lebih tersusun serta memartabatkan ilmu al-Quran mengikut rujukan yang tepat dan berasas.

KEKUATAN

Buku ini mempunyai kelebihan dan kekuatan kandungan tersendiri dan sukar ditemui dalam buku-buku dalam bahasa melayu kerana;

1- Ayat al-Quran Latihan

Penulis telah mendarangkan contoh ayat al-Quran hasil analisis bacaan Sheikh Mustafa Ismail dibawah sub topik Penyusunan dan Kedudukan Tarannum Usul Dalam Teks Bacaan dengan membawakan contoh ayat dari surah al-Baqarah 2:26 – 43. Contoh ayat dari rakaman bacaan Sheikh Mustafa Ismail pada tahun 1957 di Syria namun dengan olahan yang sesuai dengan mana-mana pembaca yang ingin memulakan proses mempelajari ilmu tarannum al-Quran.

Penulis telah membahagikan setiap jumlah potongan ayat al-Quran dengan tarannum bermula dengan tarannum Bayyati, Soba, Hijaz, Nahwand, Rast, Sikah, Jiharkah dan Bayyati penutup. Setiap potongan ayat tersebut telah digariskan bahagian permulaan setiap potongan lagu menggunakan sistem *al-Jumlah al-Ayah*.

Pada halaman 44 pula, penulis telah membawakan perbincangan mengenai tarannum *Furu'* yang terdapat dalam lagu tarannum disusuli dengan contoh-contoh ayat yang dibacakan oleh sheikh.

2- *Uslub Bacaan Qari Muktabar*

Penulis mengetengahkan *uslub* bacaan para *Masyayikh* terkemuka dan mendapat pengiktirafan dunia. Pada halaman 56, pembaca dan pengkaji memahami dengan jelas gaya dan teknik pembacaan al-Quran oleh qari terpilih tersebut. Mana-mana pengkaji al-Quran, qari mahupun pelajar yang mementingkan kepada metodologi bacaan sheikh tertentu boleh memahami bagaimana qari mampu mengalunkan bacaan al-Quran yang penuh kualiti.

Pada halaman 56 dalam buku ini, penulis mengetengahkan *uslub* bacaan Sheikh Mustafa Ismail berkaitan dengan *tabaqat* suara pada peringkat awal sebelum memulakan bacaan. Latihan yang mencukupi oleh Sheikh Mustafa Ismail boleh diterapkan oleh qari-qari yang ingin menguasai teknik bacaan yang amat berkualiti. Kaedah pembacaan sheikh Mustafa Ismail turut disenaraikan oleh penulis secara ringkas tetapi tersusun untuk memudahkan pembacaan menganalisis bacaan

sheikh secara personal. Namun demikian, penulis dicadangkan untuk memberikan link atau rujukan bagi setiap ayat contoh yang disenaraikan supaya pembaca boleh merujuk terus kepada ayat tersebut.

3- *Tabaqat* (tingkatan) suara

Apa yang paling menarik pada buku ini ialah pengenalan kepada tingkatan suara disentuh oleh penulis berdasarkan pengalaman beliau bertalaqqi dengan pakar-pakar tanah arab berbeza dengan teknik yang diamalkan di tanah melayu. Sistem tilawah al-Quran yang diterapkan di Malaysia sejak tahun 1990 ialah menggunakan sistem tingkatan suara bermula dengan *Qarar, Nawa, Jawab*, dan *Jawabul jawab*. Akan tetapi, penerapan tingkatan suara yang dibawakan oleh penulis sebagaimana yang diamalkan oleh Sheikh Mustafa Ismail atau qari muktabar peringkat antarabangsa ialah *Qarar, Jawab, Jawab al-jawab, Jawab jawab al-jawab* menggunakan kaedah *Sullam al-Musiqi*. Tingkatan suara tersebut diringkaskan kepada tiga bahagian iaitu *Da'irah al-Qararat, Da'irah al-Jawabat* dan *Sulaifiyyah*. Pembawakan pengistilahan baru ini merupakan suatu kekuatan dan istimewa kerana ia dapat membuang tohmahan negatif yang mendakwa bahawa ilmu seni tarannum dan lagu adalah ilmu yang sama. Ini kerana sandaran bacaan sheikh Mustafa Ismail adalah berdasarkan penguasaan lima kompenan utama tilawah al-Quran iaitu *Husn al-Ada' al-Quran, Husn al-Maqamat, Husn al-Tajwid, Husn al-Sout* dan *Mahir Ilmu al-Usul Qiraat*.

4- Mengetengahkan Qari Tanah Arab

Pada halaman 64 dan 65, penulis telah menyenaraikan 60 orang qari-qari terkemuka dunia yang masyhur di Mesir. Sebahagian besar qari tersebut adalah mereka yang menguasai bidang qiraat kubra dan meninggalkan rakaman bacaan mereka dan sebahagian lagi qari yang tidak sempat dirakam bacaan mereka. Pembawakan contoh-contoh ini dapat meluaskan lagi pengetahuan pembaca supaya tidak terlalu memfokuskan dan fanatic kepada qari-qari tertentu sahaja.

5- Menyenaraikan kompenan-kompenan suara

Penulis telah menyenaraikan jenis-jenis suara yang terdapat dalam ilmu tarannum al-Quran. 16 kompenan suara ini adalah hasil olahan dengan merujuk pakar-pakar suara dan lagu di tanah arab namun disesuaikan dengan jenis suara bacaan al-Quran yang mampu dihasilkan oleh qari-qari peringkat Asian.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN.

Terdapat beberapa cadangan penambahan pada buku ini untuk lebih mudah dan santai khususnya kepada pembaca dan pencinta buku-buku ilmiah dalam kalangan qari qariah atau masyarakat umum antaranya buku ini tidak menjelaskan secara terperinci sedutan-sedutan atau rakaman bacaan Sheikh Mustafa Ismail yang mudah diakses oleh pembaca. Hanya didatangkan terus petikan teks ayat al-Quran tanpa dibawakan link atau perincian bacaan Sheikh Mustafa Ismail dan Sheikh Anuar Shahat. Oleh itu, dicadangkan supaya buku ini turut diselitkan link atau perincian contoh bacaan pada ayat-ayat tersebut supaya pembaca lebih mudah merujuk potongan ayat dan latihan bacaan tarannum boleh berlangsung dengan lebih mudah.

Pada *uslub* bacaan qari juga terlalu banyak input yang perlu diperjelaskan melalui proses syarahan penulis dan sudah pasti menjadi kesukaran bagi pembaca awam untuk memahami *uslub* tanpa

melalui proses talaqqi bersama penulis sendiri. Oleh itu, dicadangkan supaya dimasukkan dalam buku pada bahagian *uslub* bacaan Qari beberapa catatan penting atau huraian yang lebih terperinci dalam bentuk rakaman mudah akses seperti link di youtube, DVD dan cakera padat.

KESIMPULAN

Buku ini merupakan antara buku pertama yang ditulis dalam Bahasa Melayu mendedahkan berkaitan seni tarannum al-Quran mengikut perspektif pakar-pakar tanah arab. Sudah pasti buku ini memberikan satu nilai tambah dalam membangunkan budaya ilmu dalam kalangan pencinta ilmu khususnya dalam kalangan qari qariah yang berqiat dan berkecimpung dalam bidang al-Quran.

Ahmad Shafiq Mat Razali

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor